



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA**

Bahagian Teknologi Pendidikan
Educational Technology Division
Negeri Johor
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel: 603-2081 7777
Faks: 603-2081 7788
Laman Web: www.moe.gov.my/btp



PP	PP
KU KEW	Tindakan
KU MIP	Makluman
KU PKP	Dipanjangkan
KU PS	Dipersetujui
KU BEST	Sila hadir/wakil
KU PSP	Sila berbiaraj
Faikan	Sila uruskan

Uraian: En. Makly Omar

21/6

Kami: KPM600-11/1/4 Jld 2. (31)
Tarikh: 31 Mei 2018

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru, Johor

KPP BTPN / KS SPM

Tuan,

BAHARIEH BINTI TEMUD
Kua Sektor
Sektor Pengurusan Maklumat (ICT)
13/1

PELAKSANAAN STANDARD KOMPETENSI DIGITAL (DIGITAL COMPETENCY STANDARDS – DCS) MURID TAHUN 2018

Sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia sedang giat menjayakan Pembestarian Sekolah Gelombang 4: Konsolidasi dan Kelestarian (2011-2020). Fokus utama Pembestarian Sekolah (2016 – 2020) ialah penambahbaikan secara sistemik melalui peningkatan kemahiran dan kompetensi digital serta pemikiran komputasional murid melalui KSSR dan KSSM; pemantapan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); dan penilaian murid berasaskan keberhasilan, melalui salah satu inisiatif Digital Malaysia iaitu *Digital Tech @ Schools*.

3. Untuk makluman tuan, Standard Kompetensi Digital (*Digital Competency Standards - DCS*), instrumen penilaian murid berasaskan keberhasilan berbentuk gamifikasi (*gamification*), bertujuan untuk menilai tahap kompetensi digital murid dalam domain kognitif, teknologi dan etika akan dilaksanakan di seluruh negara sebanyak 7,000 sekolah terpilih pada tahun 2018. Sekolah-sekolah yang terlibat di negeri tuan adalah seperti dalam **Lampiran 1**.



4. Penilaian Standard Kompetensi Digital (*Digital Competency Standards - DCS*) ini akan dilaksanakan dua fasa seperti berikut:

Fasa	Tarikh pelaksanaan	Kumpulan Sasaran
Pertama	06 Jun – 30 Julai 2018	Murid Tingkatan 3 dan 5
Kedua	01 September – 31 Oktober 2018	Murid Tahun 6

Pelaksanaan penilaian DCS di sekolah-sekolah terpilih ini akan diuruskan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) di negeri masing-masing dengan bantuan penyelarasan di peringkat sekolah oleh Guru Penyelaras Bestari / Guru Penyelaras ICT melalui **portal Bahagian Teknologi Pendidikan (<http://btp.moe.gov.my>)**. Sila hubungi pegawai meja mengikut negeri masing-masing seperti yang tertera dalam aplikasi DCS (Klik *User Guide* → *FAQ*) untuk sebarang pertanyaan lanjut.

5. Kerjasama, sokongan dan perhatian pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ZADI BIN YAZID)
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor